



PENDAWAIAN DALAMAN BAGI PROJEK BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR

A - SKOP BELB



1. Merangkumi infrastruktur sistem grid 11kV dan 33kV sehingga 240V talian-atas servis ke rumah.
2. **PENDAWAIAN ELEKTRIK DALAM RUMAH ADALAH DI LUAR SKOP KERJA BELB.**

B - PENDAWAIAN DALAM RUMAH



Pendawaian dalam rumah:-

- adalah di bawah tanggungan dan tanggungjawab pengguna.
- dilaksanakan oleh Kontraktor pemasangan elektrik **BERTAULIAH** dengan Unit Merinyu Elektrik (UME) dan berdaftar dengan SEB/ SESCO.

CARTA TINDAKAN PENGGUNA / KONTRAKTOR / SESCO

PENERIMA BELB

- Lantik kontraktor elektrik **BERTAULIAH** yang telah berdaftar dengan SEB/ SESCO untuk melakukan kerja di kawasan anda.
- Sila layari laman sesawang berikut untuk senarai kontraktor BERTAULIAH yang berdaftar:
<http://www.sarawakenergy.com.my/index.php/customers/customer-service/sesco-registered-internal-wiring-contractors> **ATAU** di pejabat-pejabat SESCO Bahagian anda.

LANTIK HANYA KONTRAKTOR YANG BERTAULIAH

KONTRAKTOR BERTAULIAH

- Merekabentuk dan melakukan pendawaian elektrik mengikut piawaian.
- Menguji pendawaian oleh kontraktor bertauliah yang diberi kuasa untuk menguji (*Authorised To Test - ATT*).
- Mengemukakan permohonan yang telah lengkap kepada SESCO untuk proses penyambungan bekalan elektrik dan meter.

SYARIKAT SESCO BERHAD

- Menerima dan memproses permohonan yang lengkap.
- Terima bayaran wang cagaran RM80.00 dan Setem Hasil RM10.00.
- Pemasangan meter bagi melengkapkan penyambungan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Hanya nama pemohon yang disahkan dibawah Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar:-
 - tidak perlu membayar meter fi SESCO.
 - Pihak SESCO juga ada menyediakan **Skim Bantuan Pendawaian (AWS)** kepada pemohon-pemohon yang memerlukan.
2. **Contoh sijil** perakuan kontraktor bertauliah.
3. **Contoh borang** penyeliaan dan ujian EIU/ ST/1.0 yang perlu dilengkap oleh kontraktor bertauliah dan sesalinan diserahkan kepada pemohon.

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

Kementerian Kemudahan Awam Sarawak
Unit Merinyu Elektrik
Tingkat 11, Wisma Satok

Tel: 082-258258

Faks: 082-259843

WEB: www.mpu.sarawak.gov.my

Bahagian Utiliti (BELB)
Tel: 082-440062 / 440063
Faks: 082-312044

ATAU

SESCO Customer Care Centre
1300-88-3111